

21/7/2015
mls 10

6 BULAN BERGELAR

CHEF DADAH



Sindiket latih rakyat tempatan jadi pakar pemproses dadah

Oleh Mohd Firdaus Ibrahim dan
Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Demi menjamin halnya dadah berkualiti tinggi dihasilkan di makmal dadah di seluruh negara membabitkan sindiket didalangi warga Pakistan dan Iran, 'akademi khas' tukang masak diwujudkan.

Sindiket berkenaan dilapor merekrut dan mengajar warga tempatan cara ataupun kaedah bagi menghasilkan dadah berkualiti tinggi.

Menurut sumber, sindiket dadah yang mempunyai makmal serta memproses dadah di negara ini didalangi warga Iran dan Pakistan.

"Mereka juga mempunyai rangkaian dengan warga tempatan yang terdiri daripada ahli kumpulan kongsi gelap.

"Kumpulan sindiket dadah warga Nigeria tidak mempunyai makmal sebaliknya beroperasi dengan membawa masuk barangan berke-

Kuala Lumpur: Sebanyak tujuh makmal dadah membabitkan sindiket dadah tempatan antarabangsa dan tempatan ditumpaskan Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) sejak Januari hingga Mei tahun ini.

Perkara itu didedahkan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman Datuk Seri Mohd Mokhtar Mohd Shariff yang memberitahu ia dilakukan dalam 15 operasi ke atas sindiket dadah membabitkan 89 tangka-

naan dari negara luar. Mereka menjadikan negara ini sebagai transit sementara untuk dibawa ke negara ketiga,"katanya.

Sumber itu berkata, selain menggunakan kepakaran sendiri, sindiket dadah warga Iran dan Pakistan juga melatih warga tempatan un-

Tumpas 7 makmal

pan. Beliau berkata, antara dadah yang dirampas ialah heroin (261.78kg), kafein (104.1kg), syabu (257.4kg), cecair syabu (9.06kg), ketamin (24.49kg), eramin 5 (1.46 juta biji), pil kuda (800 biji), serbuk dadah (23.5kg), pil ekstasi (19,522 biji) dan daun khat (91.62kg).

"Dadah yang dirampas dianggarkan bernilai RM72.63 juta," katanya dalam kenyataan media.

Menurutnya, jika dibandingkan dengan 2014,

mereka merekrut ahli kongsi gelap mahupun individu tertentu untuk diajar menghasilkan dadah. Sindiket ini juga mewujudkan 'akademi khas' kepada mereka yang terpilih untuk di-

STING berjaya membongkar enam makmal dadah di seluruh negara dalam 19 operasi terancang dan berjaya menahan 122 individu yang mendalangi aktiviti pengedaran dadah.

Mohd Mokhtar berkata, antara dadah yang dirampas ialah heroin (141.31kg), kafein (305.76kg), syabu (338.47kg), cecair syabu (48.8kg), ketamin (169.73kg), pil eramin 5 (14,578 biji), pil kuda (46,786 biji) serta serbuk dadah dan bahan kimia (33.28kg).

latih sebagai tukang masak,"katanya.

Ditanya adakah sindiket warga Iran dan Pakistan itu melatih warga tempatan di negara ini, sumber itu mengakuinya.

"Namun, ada juga antara mereka dihantar ke negara seperti Iran dan Pakistan untuk dilatih di sana. Ada antara mereka dilapor dilatih selama tiga hingga enam bulan untuk bergelar pakar. Ada juga sehingga setahun.

"Sebaik pulang ke sini, mereka yang sudah bergelar pakar itu akan merekrut

warga tempatan lain untuk dijadikan pembantu seterusnya turut menjadi pakar untuk memproses dadah berkenaan,"katanya.

Menurutnya, antara jenis dadah yang sering diproses di negara ini adalah syabu, heroin dan Eramin 5.

Diminta memperincikan berapa lama masa diperlukan untuk menghasilkan sesuatu dadah itu, sumber itu berkata, ia bukannya bergantung kepada kepakaran tukang masak semata-mata.

"Malah, kuantiti peralatan seperti berapa pembantu, tong gas, dapur dan bahan mentah digunakan bagi menghasilkan sesuatu jenis dadah itu turut memainkan peranan,"katanya.

Katanya, proses penghasilan syabu berkualiti tinggi saja memakan masa antara tiga hingga empat hari.

"Ini semua bergantung kepada perkara diterangkan di atas tadi. Biarpun hanya di makmal mini ataupun makmal kecil yang selalunya hanya mempunyai peralatan dan bahan asas dalam kuantiti kecil, kepakaran tukang masak turut memainkan peranan.

"Sebarang kesilapan dalam kuantiti campuran bahan berkenaan akan merosakkan kualiti dadah yang sedang dihasilkan,"katanya.





SERBUK putih dipercayai untuk membuat syabu yang disorok dalam guni soda dirampas di Rawang, kelmarin.

Sembunyi dadah dalam guni soda

Kuala Lumpur: Satu sindiket pengedaran dadah menggunakan guni bertulis soda untuk mengisi serbuk putih dipercayai bahan utama untuk membuat dadah jenis syabu bagi memastikan kegiatan mereka tidak dihidu pihak berkuasa.

Namun, kelicikan sindiket terbabit berjaya ditumpaskan hasil penemuan 726 guni serbuk putih bernilai RM296 juta, di sebuah stor di Rawang, kelmarin.

Serbuhan jam 8 malam itu dilakukan hasil penahanan seorang lelaki warga India berusia 36 tahun dipercayai antara dalang sindiket terbabit di Taman Sri Delima di

dungi kira-kira 10 kilogram (kg) serbuk putih selepas penahanan suspek warga India itu.

"Hasil soal siasat dijalankan, kami melakukan serbuhan di sebuah stor dan menemui 726 guni plastik mengandungi bahan utama membuat syabu dan merampas alat penimbang digital di stor terbabit.


"Ekoran serbuhan itu, kami berjaya menahan seorang lelaki warga tempatan berusia 42 tahun dan kedua dua suspek kini dalam tahanan untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul di

babit dihantar ke Jabatan Kimia di Petaling Jaya bagi mengesan jenis serbuk putih terbabit.

"Schingga kini, kami mengesyaki serbuk putih itu adalah dadah jenis ketamin namun siasatan lanjut terus dijalankan," katanya.

Menurut Munusamy, pihaknya juga kini giat mengesan saki-baki kumpulan terbabit dan percaya dadah berkenaan adalah untuk pasaran tempatan.

"Siasatan turut mendapati premis terbabit dikedan stor untuk menyimpan serbuk putih berkenaan dan kami percaya akan diedar dan diproses di tem-



Rampasan pelbagai jenis dadah oleh pasukan STING Bukit Aman

TAHUN 2014

Enam makmal dadah dibongkar membabitkan 19 operasi terancang yang mana 122 anggota sindiket pengedaran dadah telah ditahan.

Jenis dadah	Jumlah rampasan
Heroin	141.31 kg
Kafin	305.76 kg
Syabu	338.47 kg
Cecair syabu	48.8 kg
Ketamin	169.73 kg
Pil Eramin 5	14,578 biji
Pil WY (kuda)	46,786 biji
Serbuk dadah	33.28 kg

Nilai rampasan dadah RM55.87 juta

TAHUN 2015 (JANUARI HINGGA MEI)

Tujuh makmal dadah berjaya dibongkar membabitkan 15 operasi terancang yang mana 89 anggota sindiket pengedaran dadah ditahan.

Jenis dadah	Jumlah rampasan
Heroin	261.78 kg
Kafin	104.1 kg
Syabu	257.4 kg
Cecair Syabu	9.06 kg
Ketamin	24.49 kg
Eramin 5	1.46 juta biji
Pil WY (kuda)	800 biji
Serbuk dadah	23.5 kg
Pil Ekstasi	19,522 biji
Daun Khat	91.62 kg

Nilai rampasan dadah RM72.63 juta

sini, jam 5 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sentul Asisten Komisioner R Munusamy berkata, pada mulanya pihaknya menemui satu beg plastik mengan-

sini, semalam. Munusamy berkata, pihaknya kini masih menyiasat kedatangan lelaki India terbabit dan pembabitannya di dalam sindiket itu.

“Semua serbuk putih ter-

pat lain. “Kedua dua suspek kini masih ditahan reman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952,” ka-



MUNUSAMY (kanan) menunjukkan serbuk putih yang dirampas daripada seorang lelaki warganegara India, kelmarin.